(1) (8)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : (7)dlm.P.Kw.N(K)1522
Tarikh : 23 Muharram 1435
16 November 2014

***Kepada***

***Semua Ketua Jabatan Negeri***

***Semua Ketua Badan Berkanun Negeri***

***Semua Pihak Berkuasa Tempatan***

***(Seperti senarai berkelat)***

Y.B. Dato'/Y.A.A. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN 1 PEKELILING PERBENDAHARAAN BAGI MENGGANTIKAN SEMUA PEKELILING PERBENDAHARAAN, SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN, PEKELILING KONTRAK, PERBENDAHARAAN DAN SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN YANG DIKELUARKAN SEBELUM INI.[P.Kw.N(KEDAH)0982 JLD.3(60)]**

Adalah dengan hormatnya dirujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini diedarkan **Cabutan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman** bagi **Pelaksanaan 1 Pekeliling Perbendaharaan**. Pekeliling ini inisiatif pemurnian semua pekeliling, surat pekeliling, pekeliling kontrak, dan surat arahan yang sedia ada bagi menggantikannya dengan satu dokumen versi baru yang boleh dicapai, dimuat turun dan dicetak secara atas talian melalui portal rasmi Perbendaharaan Persekutuan **(www.treasury .gov.my). Versi 1PP ini berkuat kuasa mulai 3 Julai 2014.**

3. Kerjasama serta perhatian dari pihak Y.B. Dato'/Y.A.A. Dato'/Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan dalam pematuhan dan perlaksanaan pekeliling ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**'KEDAH AMAN MAKMUR : BERSAMA MEMACU TRANSFORMASI'**

Saya yang menurut perintah,

**(MOHD ASRI REDHA BIN ABDUL RAHMAN,AMK.,BCK.)**
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman

(2) dlm PSU (K) P.Kw.N (KEDAH) 0982 Jld.3 (60)

SULIT

# MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

## CABUTAN KEPUTUSAN MAJLIS

TERIMA 27 OCT 2014 PEJABAT KEWANGAN NEGERI KEDAH

TARIKH MESYUARAT :- 01 OCT 2014

**MENIMBANG PROJEK-PROJEK/ PERKARA-PERKARA BARU.**

9.60: Kertas No.6(F)374/2014 -

**PELAKSANAAN 1 PEKELILING PERBENDAHARAAN BAGI MENGGANTIKAN SEMUA PEKELILING PERBENDAHARAAN, SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN, PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN DAN SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN YANG DIKELUARKAN SEBELUM INI.**
**[ P.Kw.N (KEDAH) 0982 JLD.3 (60) ]**

Majlis memutuskan seperti berikut:-

a) Bersetuju menerima pakai 1 Pekeliling Perbendaharaan - Sebagai peraturan kewangan dan perakaunan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri yang baru menggantikan Pekeliling Perbendaharaan sebelum ini.

b) Bersetuju perlaksanaan 1 Pekeliling Perbendaharaan berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

c) Bersetuju tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan 1 Pekeliling Perbendaharaan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

NORHASTEZA BT. BAHDUN
*PENOLONG SETIAUSAHA*
MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
KEDAH DARUL AMAN

DI KELUARKAN PADA 20 OKTOBER 2014

SULIT